



Analisis Permulaan Perang Amerika Syarikat-Israel Ke Atas Iran Pada Bulan Jun 2025

Oleh: Syed Ahmad Fathi (fathi137@gmail.com)

Pendahuluan

Perang Amerika Syarikat dan Israel ke atas negara-negara Arab bukan merupakan perkara yang baru. Ia mempunyai sejarah yang panjang. Peperangan-peperangan ini dilancarkan bagi memastikan negara-negara di sekeliling Israel kekal lemah, terpecah dan tidak boleh menggugat projek kolonial dan genosida Israel di Palestin. Negara-negara Arab termasuk Libya, Iraq, Syria, Lubnan, Mesir, Jordan, dan Iran perlu dipastikan duduk di bawah telunjuk hegemoni Amerika Syarikat dan tidak mempunyai kekuatan ketenteraan. Disebabkan itulah, Israel dan Amerika Syarikat telah memulakan kempen perang ke atas Iran setelah mereka berjaya memusnahkan negara-negara lain di sekelilingnya.

Pada hari Jumaat, 13 Jun 2025 Israel telah mengebom Iran menggunakan jet pejuangannya. Agen-agen Mossad dilaporkan melakukan sabotaj dari dalam bagi memastikan sistem pertahanan udara Iran tidak berfungsi semasa serangan dilakukan. Serangan ini telah membunuh komander penting Iran termasuk Komander Kor Pengawal Revolusi Iran, Hossein Salami. Komander Kanan Iran, Gholam Ali Rashid turut terbunuh. Selain itu, dua orang saintis nuklear Iran, Fereydoun Abbasi-Davani dan Mohammad Mehdi Tehrani turut terkorban.¹ Kematian ini disahkan sendiri oleh pemimpin tertinggi Iran, Sayyed Ali Khamenei.² Ketua Angkatan Tentera Iran, Mohammad Bagheri turut terkorban.³ Strategi membunuh kepimpinan utama musuh ini sering digunakan Israel dan dinamakan “decapitation”.

¹ “Komander Kor Pengawal Revolusi Iran maut dalam serangan Israel”. *Berita Harian*, 13 Jun 2025. Pautan: <https://www.bharian.com.my/dunia/asia/2025/06/1407527/komander-kor-pengawal-revolusi-iran-maut-dalam-serangan-israel?source=widget>

² Lihat kenyataan Sayyed Ali Khamenei “*In the enemy’s attack, a number of commanders and scientists were martyred. Their successors and colleagues will immediately carry out their duties, God willing.*” Pautan: <https://x.com/TheCradleMedia/status/1933361055935144327>

³ Emanuel Fabian. “Report: Iran’s military chief Bagheri killed in Israeli strike”. *The Times of Israel*, 13 June 2025. Pautan: https://www.timesofisrael.com/liveblog_entry/report-irans-military-chief-bagheri-killed-in-israeli-strike/

Helah Diplomasi Amerika Syarikat

Peperangan ini mustahil dimulakan tanpa pengetahuan dan bantuan dari Amerika Syarikat. Oleh itu, adalah sangat penting untuk kita menganalisis perkembangan 24 jam sebelum perang ini bermula untuk mempelajari kelicikan Amerika Syarikat menipu Iran dengan “*element of surprise*”. Dengan menggunakan helah diplomasi, Iran berjaya ditipu oleh Amerika Syarikat dan Israel menyebabkan mereka tidak bersedia dengan serangan yang dilakukan. Walaupun Amerika Syarikat menghantar delegasi untuk berdiplomasi, namun di belakang tabir mereka berkomplot untuk menyerang Iran.

Pertama, Amerika-Syarikat dan Israel telah membuat satu wayang dua hari sebelum serangan dilakukan di mana bahawa Amerika Syarikat telah berlakon melarang Israel menyerang Iran. Wayang ini ditayangkan melalui laporan perbualan telefon antara dua penjenayah perang iaitu Donald Trump dan Benjamin Netanyahu di mana kononnya Trump memberitahu Netanyahu untuk menamatkan perang di Gaza dan tidak menyerang Iran. Trump menyatakan Amerika Syarikat masih ingin melakukan rundingan diplomatik untuk menyelesaikan pertikaian nuklear bersama Iran.⁴ Menurut sumber tentera Yaman, mengakuan Iran bahawa komander dan saintis mereka terbunuh menunjukkan mereka tidak bersedia untuk serangan pada skala dan masa ini.⁵ Iran merasakan bahawa serangan tidak akan dilakukan semasa proses diplomatik masih berlangsung. Ini merupakan helah Amerika Syarikat yang selalu digunakan sebagai strategi mereka menghancurkan negara-negara Arab sejak tahun 1967.

Perkara ini juga disahkan oleh Tentera Penjajahan Israel (TPI) melalui akhbar *The Times of Israel* yang menyatakan bahawa mereka bekerjasama dengan Amerika Syarikat bagi memerangkap Iran untuk memastikan mereka tidak bersedia dan tidak mengagak bahawa serangan akan dilakukan.⁶ Sejurus selepas Israel melancarkan serangan, Amerika Syarikat membuat kenyataan bagi menutup helah mereka bahawa serangan Israel tersebut adalah bersifat “*unilateral*” bagi memberi bayangan bahawa Amerika Syarikat tidak terlibat dalam masa yang sama memberi amaran supaya Iran tidak menyerang posisi tentera Amerika Syarikat di Timur Tengah.⁷ Seperti biasa, Amerika Syarikat menyatakan jika Iran menyerang balas, Amerika Syarikat akan membantu Israel mempertahankan diri.⁸ Helah diplomasi ini berjaya menipu Iran menyebabkan mereka menghadapi serangan mengejut dengan impak yang maksimum. Pemilihan masa yang tepat ini sangat penting bagi memastikan target-target yang dikenal pasti tidak bersedia dan memudahkan serangan dilakukan dengan kemusnahan yang maksimum.

⁴ Eugenia Yosef dan Oren Liebermann. “Trump tells Netanyahu to end Gaza war and stop Iran threats, source says, as US ramps up pressure on Israel”. *CNN*, 11 Jun 2025. Pautan: <https://edition.cnn.com/2025/06/11/middleeast/us-ramps-up-pressure-as-trump-tells-netanyahu-to-end-gaza-war-and-stop-threatening-iran-intl>

⁵ Analisis tentera Yaman perihal bagaimana Iran ditipu oleh diplomasi Amerika Syarikat, lihat pautan: <https://x.com/Yemenimilitary/status/1933345912438374839>

⁶ Lihat laporan pengakuan ini di pautan: <https://x.com/infolibnews/status/1933330997912949018/photo/1>

⁷ Kenyataan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Marco Rubio. Lihat pautan: <https://x.com/RapidResponse47/status/1933324586214395966/photo/1>

⁸ Temu bual Bret Baier dengan Donald Trump, lihat pautan: <https://www.aljazeera.com/news/liveblog/2025/6/13/live-explosions-reported-in-iran-amid-israel-tensions?update=3771312>



Walaupun Amerika Syarikat menyatakan bahawa Israel membuat serangan secara “*unilateral*”. Tindak tanduknya sebelum serangan bermula menunjukkan bahawa Amerika Syarikat mempunyai maklumat awal bahawa serangan akan dilancarkan. Ini dapat dilihat dari tindakan mereka mengarahkan pegawai kedutaan mereka di Iraq dan Timur Tengah untuk berundur.⁹ Beberapa jam sebelum serangan, Donald Trump juga memaklumkan bahawa serangan “mungkin berlaku” menunjukkan bahawa mereka telah mendapat signal dan berkoordinasi.

Dalam masa yang sama, serangan ini dilakukan bagi melindungi Benjamin Netanyahu yang mengalami krisis dalaman bagi mempertahankan kerajaannya. Hari di mana serangan itu dilakukan merupakan hari di mana parlimen Israel, Knesset, akan menganjurkan undian untuk membubarkan kerajaan.¹⁰ Undian ini disokong oleh Parti ortodoks Yahudi, Shas, yang kecewa kerana kerajaan Netanyahu tidak memasukkan di dalam undang-undang pengecualian komuniti Haredim dari penglibatan di dalam tentera. Golongan Haredim adalah golongan ortodoks yang mempercayai bahawa orang Yahudi yang menjadi pelajar kitab Torah tidak boleh menjadi tentera. Selain Shas, Parti United Torah Judaism turut mahukan kerajaan dibubarkan.¹¹ Maka serangan ke atas Iran ini juga boleh dilihat sebagai usaha untuk mengelakkan kerajaan Netanyahu runtuh. Dengan memulakan perang, kritikan terhadap kerajaan dapat dialihkan di mana rakyat difokuskan untuk melawan musuh atas semangat nasionalisma.

Iran juga dilihat mempercayai bahawa fasa yang sedang mereka lalui adalah fasa perang saraf bukan fasa perang kinetik. Disebabkan itulah sebelum serangan, Iran dilihat sibuk menerbitkan dokumen-dokumen sulit yang berjaya mereka perolehi hasil perisikan mereka. Dari dokumen sulit yang diperolehi, Iran telah mendedahkan bahawa ketua kepada International Atomic Energy Agency (IAEA), Rafael Grossi bekerjasama dengan agensi perisikan Israel, ini dilihat dari surat menyuratnya dengan agen Israel iaitu Meirav Zafary-Odiz.¹²

Naratif Serangan Israel

Israel dalam strategi perangnya terus mengekalkan propagandanya bagi memastikan naratif mereka dapat diketengahkan. Serangan ke atas Iran ini dipanggil sebagai “*Operation Rising Lion*”.¹³ TPI dalam siaran medianya menyatakan bahawa serangan mereka merupakan serangan “*pre-emptive*” dan “*offensive*” ke atas fasiliti nuklear, kilang peluru berpandu dan asset ketenteraan Iran. Serangan ini dilakukan di pelbagai lokasi di Iran.¹⁴

⁹ Laporan Al Jazeera, lihat pautan: <https://www.aljazeera.com/news/liveblog/2025/6/13/live-explosions-reported-in-iran-amid-israel-tensions?update=3771264>

¹⁰ Lihat kenyataan Muhammad Shehada di pautan: <https://x.com/muhammadshehad2/status/1933322737574965450>

¹¹ Sam kokol. “Shas to back preliminary vote to dissolve Knesset, citing stalled draft exemption law”. *The Times of Israel*, 09 Jun 2025. Pautan: <https://www.timesofisrael.com/shas-to-vote-in-favor-of-dissolving-knesset-citing-stalled-draft-exemption-law/>

¹² Lihat dokumen sulit yang didedahkan oleh *Tasnim News Agency* di pautan: https://x.com/Tasnimnews_EN/status/1933119110667456713?ref_src=twsrc%5Etfw%7Ctwcamp%5Etweteembed%7Ctwterm%5E1933119110667456713%7Ctwgr%5E562c1c2c97d5aac1f17ade1dfb20c136f68bdfef%7Ctwcon%5Es1_&ref_url=https%3A%2F%2Fwww.iranintl.com%2Fen%2F202506127234

¹³ Laporan *Al Mayadeen English*, lihat pautan: <https://x.com/MayadeenEnglish/status/1933329843976057246>

¹⁴ Kenyataan media TPI, lihat pautan: <https://x.com/IDF/status/1933324595471454495>

Menurut penjenayah perang yang dikehendaki oleh Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), Benjamin Netanyahu, serangan dilakukan ke atas fasiliti nuklear Iran di Natanz dan juga fasiliti peluru berpandu Iran.¹⁵ Netanyahu menyatakan falsafah jenayahnya bahawa serangan perlu dilakukan sebelum musuh berjaya mengumpulkan kekuatan mereka. Di sini kita perlu akui bahawa kelebihan Israel adalah mereka tidak teragak-agak untuk mengambil inisiatif. Pejuang Palestin telah mempelajari hakikat ini, disebabkan itu mereka tidak teragak-agak dalam memulakan inisiatif pada Oktober 2023.

Kesilapan dan Kelemahan Iran

Antara kesilapan Iran adalah tidak mengambil inisiatif awal sebelum musuh bertindak, *Operasi True Promise 3* yang dirancang sebelum ini tidak dilaksanakan. Operasi ini dikatakan ditangguhkan dan tidak dibatalkan.¹⁶ Ini menunjukkan bahawa Iran mengambil langkah tunggu dan lihat. Ini menyebabkan mereka tidak mempunyai kelebihan strategik dan terpaksa menjadi reaktif dan tidak mempunyai kelebihan inisiatif. Situasi yang sama turut berlaku kepada Hizbullah sebelum ini di mana kepimpinan mereka berjaya dimusnahkan sebelum mereka dapat melakukan serangan yang signifikan.

Selain itu, kejayaan serangan Israel juga menunjukkan kelemahan serius dalam pertahanan udara Iran. Pertahanan udara Iran kelihatan tidak berfungsi apabila jet Israel dapat masuk ke dalam ruang udaranya dan melancarkan serangan. Ini membuktikan bahawa kenyataan Israel bahawa mereka berjaya memusnahkan pertahanan udara Iran pada bulan Oktober 2024 bukan merupakan satu retorik tetapi adalah kenyataan yang benar. Israel mendakwa mereka berjaya memusnahkan empat sistem pertahanan udara S-300 yang dibekalkan Rusia kepada Iran pada bulan April dan Oktober 2024.¹⁷

Kesimpulan

Kesimpulannya, kita dapat melihat bagaimana Amerika Syarikat telah menggunakan helah diplomasi mereka bagi mengelakkan Iran mengetahui bahawa mereka akan diserang. Amerika Syarikat menghantar delegasi berunding dalam masa yang sama berkomplot dengan Israel dan melancarkan serangan. Iran dilihat berjaya ditipu oleh helah Amerika Syarikat ini. Kesilapan Iran adalah mereka mempercayai helah diplomasi Amerika Syarikat. Selain itu, dengan tidak mengambil inisiatif dan membuat serangan awal telah menyebabkan mereka terdedah kepada “*element of surprise*”. Selain dari kelemahan-kelemahan taktikal ini, Iran juga dilihat melakukan kesilapan dengan tidak memperbaiki keupayaan pertahanan udara mereka. Mereka juga gagal menghidu operasi Mossad yang dilakukan di dalam kawasan Iran yang telah memastikan sistem pertahanan udara Iran tidak berfungsi ketika serangan Israel dilakukan. Perang ini kemungkinan besar akan berlangsung dalam jangka masa yang panjang.

¹⁵ Siaran rakaman sidang media Benjamin Netanyahu, lihat rakaman:

<https://www.youtube.com/watch?v=b3nXp0Ua1OU>

¹⁶ “Iran to stage Operation True Promise III against Israel”. *MEHR News Agency*, 29 March 2025. Pautan: <https://en.mehrnews.com/news/230027/Iran-to-stage-Operation-True-Promise-III-against-Israel>

¹⁷ “Israel took out primary Iranian air defenses, left it ‘essentially naked’ – report”. *The Times of Israel*, 30 Oktober 2024. Pautan: <https://www.timesofisrael.com/israel-strike-on-iran-took-out-radar-sets-to-guide-ballistic-missiles-report/>